

Sabah
lebih
maju
di bawah:
BN

KOTA KINABALU, Jumaat — Pembangunan di Sabah dapat dipesatkan lagi sekiranya negeri ini diperintah oleh Barisan Nasional (BN), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, ketika ini pembangunan di negeri ini agak lembap disebabkan ia bukan di bawah pemerintahan kerajaan BN.

“Peluang pekerjaan pula tidak meningkat kerana tiada pelaburan asing, malah ada rakyat negeri ini yang berhijrah ke negeri lain untuk mencari pekerjaan dan ada pelabur dari negeri ini melabur di negeri lain.

“Sebenarnya peluang dalam pelbagai bidang terbuka luas di negeri ini, tapi pelabur tawar hati kerana tidak yakin dengan kerajaan negeri,” katanya ketika merasmikan perhimpunan agung pertama Parti Liberal Demokratik (LDP), sebuah daripada anggota komponen BN Sabah, di Sekolah Menengah (SM) Kian Kok, Jalan Tuaran, di sini pagi ini.

Dr Mahathir yakin sekiranya kerajaan BN memerintah di Sabah, dibantu pula dengan sokongan Kerajaan Pusat, pembangunannya dapat dipesatkan.

Katanya, faedah itu bukan semata-mata untuk tauke saja, malah pemedai kecil dan pemandu teksi.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan pengalaman membangunkan Malaysia, BN yakin boleh memajukan Sabah sekiranya dapat memerintah di negeri ini.